

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 6/1967**

=====

**KENAIKAN CUKAI TANAH KEPADA 'STANDARD RATE'
SEKSYEN 102 KANUN TANAH NEGARA- ARAHAN (STANDARD RATE
RENT) KANUN TANAH NEGARA 1967 SL.PU.37/22.9.66**

Perhatian Pemungut Hasil Tanah adalah ditumpukan kepada Seksyen 102 Kanun Tanah Negara iaitu cukai-cukai tanah yang kurang hendaklah dinaikkan kepada "Standard Rate". Arahan untuk menaikkan cukai-cukai itu telah dikuatkuasakan dalam ARAHAN (STANDARD RATE RENT) KANUN TANAH NEGARA yang telah diwartakan dalam SL.PU.37/22.9.66.

2. Ada kecurigaan telah didapati atas tafsiran luas tanah yang harus dinaikkan cukainya kepada "Standard Rate" di bawah Ruangan 1 yang terkandung di dalam Arahan itu:-

"Rubber Land Of estate of 10 acres or more and includes any such land or estate though less than 10 acres if it forms part of other rubber land or estate totaling 10acres or more"

Terjemahannya:

"Tanah getah atau estate yang luasnya 10 ekar atau lebih dan termasuk mana-mana tanah atau ladang seperti itu, walau pun kurang daripada 10 ekar jikalau ianya menjadi sebahagian daripada tanah getah atau tanah ladang yang lain yang berjumlah 10 ekar atau lebih:-

3. Pandangan Pesuruhjaya Tanah Negeri-negeri Tanah Melayu telah dipinta dan beliau bersetuju bahawa tafsirannya bolehlah dimaksudkan sebagai yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di Persidangan Pegawai-Pegawai Daerah pada 15hb April 1967 sebagai berikut:-

- (i) Bagi tipa-tiap tanah 10 ekar atau lebih.
- (ii) Bagi tanah yang berdekatan (Contiguous) jika dikumpulkan menjadi 10 ekar atau lebih di atas satu nama atau "agency" dan tafsiran ini tidak termasuk tanah-tanah yang kurang daripada 10 ekar di tempat-tempat lain yang dipunyai oleh seorang atau satu "agency" sungguh pun bila disatukan menjadi 10 ekar atau lebih.

T.T
(JOHAN BIN MOHD. YASSIN)
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
SELANGOR

PTG.Sel.721 (36)

Kuala Lumpur
4hb. Oktober 1967